



DULI YANG MAHA MULIA

Selamat Kembali Dari Tanah Suchi

LAPANGAN TERBANG BERAKAS. — Beribu2 orang telah menyambut Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan rombongan di-sini pada petang 25 May, 1962 pada masa Baginda dan rombongan kembali ka-Tanah Ayer dari Tanah Suchi sa-telah menunaikan fardhu haji.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara yang telah berangkat ka-Tanah Suchi terlebih dahulu daripada Baginda, telah juga kembali ka-Brunei dengan rombongan tersebut.

Sa-baik sahaja kapal terbang yang membawa Duli Yang Maha Mulia mendarat di-sini, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei telah menziarahi Baginda di-atas kapal terbang itu. Dan sa-belum Baginda turun dari kapal terbang itu, Yang Di-Muliakan Pehin Siraja Khatib telah membachado'a selamat.

Di-antara beribu2 orang yang datang ka-sini untuk menziarahi Baginda pada masa itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh; 'roh Jaya Tinggi Ingeris di-iei, Yang Terutama Sir Dennis White; Kerabat Diraja Brunei, Ahli2 Majelis Meshuarat, Diraja, Kerajaan dan Negeri Ketua2 Pejabat2 Kerajaan dan lain2-nya.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat ka-Istana Darul Hana.

Di-sapanjang jalan yang dilalui oleh Baginda, beribu2 orang kanak2 sekolah telah melambai2kan Bendera Brunei sa-bagai tan-

da menguchapkan "selamat kembali ka-Tanah Ayer sa-telah menunaikan fardhu haji kepada

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan".

Perlu di-sebutkan bahawa inilah kali yang ke-dua Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Mekah untuk menunaikan fardhu Haji. Baginda telah berangkat ka-Ta-

nah Suchi pada kali yang pertama kira2 sa-belas tahun dahulu. Baginda telah berangkat dari Brunei ka-Labuan dengan kapal laut dan dari Labuan Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Jeddah dengan menaiki kapal terbang melalui Singapura. Pada masa menunaikan fardhu Haji dalam tahun ini pula, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat dari Brunei ka-Jeddah dengan kapal terbang melalui Singapura.

UCHAPAN TERIMA KASEH

Daripada D. Y. M. M. Maulana Al-Sultan

Kapada D. Y. M. M. Al-Malek Sa'ud

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menyampaikan ucapan terima kasih Baginda kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Sa'ud bin Abdul Aziz, Saudi Arabia atas layangan dan sambutan kapada Baginda dan rombongan pada masa menunikan fardhu haji baharu2 ini.

Uchapan terima kasih dari Duli Yang Maha Mulia itu telah di-nyatakan dalam sa-puchok surat Baginda bertarikh pada 29 May 1962 ia-itu sa-telah empat hari Baginda selamat kembali ka-tanah ayer dari menunaikan fardhu haji kali yang kedua.

Salinan surat dari Duli Yang Maha Mulia itu, sa-lengkap-nya ada-lah saperti di-bawah ini:

"Ka-majlis Yang Maha Mulia Seri Paduka Kekanda Al-Malek Sa'ud bin Abdul Aziz, Raja dan Yang Dipertuan bagi negeri dan ta'alok Saudi Arabia, dengan

amat kemuliaan dan kesejahteraan-nya.

"Segala pujian bagi Allah samata2 demikian juga segala kesukoran, salawat dan salam ka-atas Rasul-nya Muhammad dan keluarga-nya dan sahabat2-nya.

"Bahawa dengan anugerah dan taufik Allah Subhanahu Wata'ala telah sampai-lah Paduka Adinda dan pengiring2 Paduka Adinda menziarahi ka-negeri Seri Paduka Kekanda ia-itu tanah suchi yang mulia kerana menunaikan fardhu haji kali yang kedua-nya dan telah berpeluang

pula Paduka Adinda mengadap Seri Paduka Kekanda yang mana Paduka Adinda dan juga pengiring2 Paduka Adinda merasa amat bahagia oleh mendapat sambutan dan layanan yang sangat baik lebeh2 lagi kerana dapat beramah tamah dengan Seri Paduka Kekanda dengan amat mesra dan penuh kesukaan. Sa-panjang2 masa Paduka Adinda berada di-negeri Seri Paduka Kekanda itu sentiasa-lah Paduka Adinda mendapat penuh kemuliaan dan kerehatan.

"Mengambil peluang yang amat berharga ini Paduka Adinda menguchapkan banyak2 terima kasih kapada Seri Paduka Kekanda kerana sambutan dan layanan dan kemudahan2 yang te-

(Lihat Muka 5)



DULI YANG MAHA MULIA telah berangkat ka-Mekah pada 4 May, 1962 dan telah selamat kembali ka-Brunei pada 25 May, 1962. Gambar2 ini ia-lah pemendangan2 di-lapangan terbang Berakas pada masa Duli Yang Maha Mulia dan rombongan kembali dari Tanah Suchi sa-telah menunaikan fardhu haji.

KECHERGASAN PARAJURIT2 BRUNEI MENGHARUMKAN NAMA NEGARA INI —Kata Menteri Besar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un berkata bahawa perkhidmatan askar itu ada-lah satu tugas yang paling berat tetapi mulia-mulia di-sisi bangsa, mulia di-sisi tanah ayer dan mulia di-sisi ugama.

Beliau berkata demikian dalam majlis Malam Anika Warna yang di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 19 May yang lalu khas untuk sambutan askar2 yang baharu balek berchuti ka-tanah ayer.

Beliau menegaskan bahawa angkatan tentera itu ada-lah

D.S.P.H. YUSUF KA-BANGKOK

BERAKAS. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Penasehat Ekonomi Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould telah berangkat ka-Bangkok, Ibu Kota Negeri Siam baharu2 ini untuk mengadakan perundingan2 dengan pakar2 dari Bangsa2 Bersatu mengenai bantuan teknikal kepada Negeri Brunei untuk melaksanakan ranchangan kemajuan lima tahun negeri ini.

Beliau2 tersebut juga telah mengadakan perundingan mengenai perbekalan beras yang tetap kepada Negeri Brunei.

Dalam ranchangan kemajuan lima tahun Negeri Brunei yang telah di-luluskan tidak berapa lama dahulu pada dasar-nya menunjukkan bahawa 83 peratus dari keperluan beras dalam negeri ini ada-lah di-bawa masuk dari luar negeri.



Y.A.B. DATO SETIA MARSAI

merupakan tulang belakang daripada besi yang kokoh bagi tanah ayer kita untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan Negara Brunei Darus-Salam, negeri yang sentiasa di-kenal anfan dan damai.

Sa-belum itu Dato Setia Marsal telah menyatakan kegembaraan dan sukachita-nya kerana telah dapat bergaul sa-mula dengan pemuda2 yang telah menyahut panggilan Ibu Pertiwi — menyerahkan tenaga seluroh-nya untuk berkhidmat sa-bagai parajurit2 itu.

"Perasaan itu walau pun tidak dapat di-pandang dengan mata, tetapi kegembaraan yang saya rasai itu ada-lah rasa yang ikhlas dari kesateria tanah ayer untuk pahlawan bangsa yang muda tetapi tetap perkasa", tegas beliau.

Dalam ucapan-nya itu, Menteri Besar Brunei menyatakan bahawa beliau telah menerima berbagai2 pujian tentang kejayaan2 dan nama baik Bakal2 Askar Melayu Brunei itu.

"Sungguh pun latehan askar ini baharu sahaja di-tempoh

oleh askar2 kita atau boleh dikatakan julong2 kali parajurit2 kita itu merasai-nya, tetapi kebolehan mereka, kecekapan mereka, kerajinan mereka, keteguhan semangat mereka tidak tertinggal dari askar yang lain yang bersama2 dalam latehan itu, malahan banyak perkara yang parajurit kita boleh membuat-nya dari yang di-sangka."

Beliau berkata: "Baharu2 ini berita2 yang mengharumkan nama Negeri Brunei itu ada tersiar dalam surat2 khabar mengenai kechergasan dan kebolehan parajurit2 kita itu.

Dato Setia Marsal menegaskan lagi bahawa dengan kejayaan yang telah di-chapai oleh Bakal2 Askar Melayu Brunei itu dapatlah di-buktikan bahawa mereka sangat2 mengambil berat dan menaruh perhatian pada nasehat2 beliau pada masa mereka hendak berlepas dari Brunei dahulu.

Beribu2 orang telah menyaksikan Malam Aneka Warna yang khas di-adakan untuk sambutan Bakal2 Askar Melayu Brunei yang baharu balek ka-tanah ayer itu.

Anggota2 Jabatan Laut Brunei Balek Dari Latehan


BANDAR BRUNEI. — Sapuluh orang anggota dari Jabatan Laut Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Singapura untuk berlateh dalam ilmu perkapalan dalam bulan March tahun ini telah balek ka-Brunei dengan kapal2 perang dari Malaya.

Mereka ia-lah Serang Tuah bin Kapal, Mohamed bin Abdul Razak, Awang Zaini bin Awang Tengah, Mokti bin Ahmad, Momin bin Idris, Ismail bin Haji Kassim, Abdullah bin Chuchu, Tinggal bin Saman, Tengah bin Abdul Halim dan Ibrahim bin Yusof.

Mereka telah di-sambut di-Tambatan Kastam Diraja Brunei oleh Pegawai Laut Negara, Brunei, Kapitan E.H. Mutton.

Anggota2 Jabatan Laut Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa mereka tiba di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi 31 May, 1962 setelah berlateh di-Singapura Pegawai Laut Negara, Brunei, Kapitan

E.H. Mutton kelihatan bilangan tujuh dari kiri. Bilangan enam dari kiri ia-lah Serang Tuah bin Kapal dan bilangan delapan dari kiri ia-lah Chief Petty Officer, Kamis dari Angkatan Laut Diraja, Persekutuan Tanah Melayu. Di-belakang mereka ia-lah Kapal Perang, "Mahamiru."



Menghadhiri Hari Kebangsaan Singapura

BERAKAS. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Jumaat yang lalu untuk menghadiri sambutan Hari Kebangsaan Singapura kali yang ke-tiga.

Y.A.B. Dato Setia Marsal telah menghadiri perayaan tersebut bersama2 dengan Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah, Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

Di-antara Pegawai2 Kerajaan yang datang ka-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Singapura kepada Y.A.B. Dato Setia Marsal ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Raja Azam di Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil.

BULAN BAHASA: J. K. Istilah

BANDAR BRUNEI. — Inche Jaya bin Abd. Latif telah dilantik menjadi Pengurus, Jawatan Kuasa Istilah, Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei.

Beliau di-bantu oleh Inche Hamdan bin Abdul Rahman sa-bagai Naib Pengurus dan Inche Zain Ariff sa-bagai Setia Usaha.

Ahli2 Jawatan Kuasa Istilah bagi saluroh Negeri Brunei adalah seperti di-bawah ini:

Inche Awang Tengah Hassip (Daerah Brunei), Inspektor Ab Zar bin Abu Bakar (Daerah Brunei), Inche Edmund Keasberry (Daerah Brunei), Inche Ahmad Shah bin Imām Ahmad (Kuala Belait), Inche Teo Kim Yeo (Kuala Belait), Inche Ignatius Stephen (Kuala Belait), Inche Mohamed Yassin bin Haji Ahmed (Seria), Inche B. Levick (Seria), Inche Mahmud bin Damit (Tutong) dan Inche Harith bin Judin (Temburong).



INCHE YAHYA

Inche Yahya kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan bagi pihak rikerut2 Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Brunei baharu2 ini untuk berchuti. Ucapan itu telah di-lafaskan di-temasha Malam Anika Warna yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 19 May yang lalu.

PENDAFTARAN BAKAL2 HAJI TAHUN 1963

BANDAR BRUNEI. — Orang2 Islam di-seluruh Negeri Brunei yang berazam hendak menunaikan fardhu haji dalam tahun 1963, hendaklah datang mendaftarkan nama mereka ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei tidak lewat dari 30 September hadapan.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei menyatakan dalam satu siaran-nya bahawa segala permohonan yang di-terima lewat dari tarikh yang di-tetapkan tidak akan di-layani.

Pendaftaran ini ia-lah bagi menentukan jumlah juma'ah haji bagi tahun 1963 supaya jadual2 pelayaran kapal dapat di-atorkan dengan saksama.

Borang2 permohonan kerana ini boleh di-dapati dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei atau pun di-Pejabat2 Pegawai2 Daerah dan Pejabat2 Kadhi.

Siaran dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei itu mengingatkan bahawa segala borang permohonan tidak akan di-terima sama ada oleh Pejabat Ugama Brunei, mahupun Pejabat2 kadhi dan Pejabat Pegawai2 Daerah, jika borang2 permohonan yang di-hantar itu tidak mengandungi syarat2 yang di-bawah ini:

◆ Tiap2 permohonan hendaklah di-tanda tangani atau pun


chap ibu jari si-pemohon;

◆ Permohonan hendaklah disertai dengan dua keping gambar si-pemohon; sa-keping daripadanya hendaklah sedia di-lekatkan pada tempat yang di-khaskan di-sabelah kiri atas borang permohonan itu;

◆ Permohonan2 hendaklah beserta dengan satu surat akuan sehat (Medical Certificate of Fitness) daripada tabib yang ber-tauliah yang mengakui bahawa dia di-bolehkan menunaikan fardhu haji.

Borang2 untuk peperiksaan badan bagi menunaikan fardhu haji tahun 1963 boleh di-dapati di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei atau pun di-Pejabat2 Daerah dan Pejabat2 Kadhi.

Siaran itu juga menegaskan bahawa pegawai2 Kerajaan yang hendak menunaikan fardhu haji dengan memohonkan tambang perchuma dari Kerajaan, hendaklah berurus dengan Setia Usaha Kerajaan mulai dari sekarang.



Timbalan Jurutera Negera, Brunei, Inche Talib bin Darwish (tengah) kelihatan di-bangunan lapangan terbang Berakas pada petang 28 May, 1962 sebelum beliau berangkat ka-England untuk menghdhiri Persidangan2 Kejuruteraan di-London dan di-Hertfordshire. Di-kanan ia-lah Yang Berhormat Dato Abdul Aziz dan di-kiri ia-lah Doktor Frank, ia-itu di-antara orang2 yang telah datang untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Inche Talib.

Hadiah Sharikat Minyak Kapada Mesjid Batu Marang

BATU MARANG. — "Elok-lah sangat bahawa orang2 kampung ini telah menhadangkan membuat mesjid sendiri, lagi pun sudah berjaya membuat dengan wang dan tangan sendiri. Sharikat Minyak Shell Brunei mengucapkan tahniah dan berharap bahawa mesjid ini akan membawa banyak kemajuan kapada orang2 kampung." Demikian kata Wakil Sharikat Minyak Brunei Shell Bernad di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates.

Beliau telah melafadzkan ucapan itu di-majlis menyampaikan hadiah alat pembesar suara daripada Sharikat Minyak Shell kapada Mesjid Batu Marang yang baharu di-bena. Majlis itu telah di-adakan di-Sekolah Melayu Batu Marang dan hadiah tersebut di-sampaikan oleh Inche Coates bagi pihak Sharikat Minyak Shell.

Dalam ucapan-nya Inche Coates berkata bahawa Sharikat Minyak selalu suka membantu chadangan2 orang ramai yang membawa faedah, seperti pembe-naan mesjid yang baharu itu.

Inche Ismail Ariff dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei yang telah memberi ucapan di-majlis tersebut bagi pihak Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali, telah meng-ucapkan terima kasih kapada Sharikat Minyak Shell Brunei yang telah menghadiahkan alat2 pembesar suara kapada Mesjid Baru Batu Marang.

Beliau berkata bahawa Kerajaan Brunei sangat2 mengambil berat dalam hal ehwal ugama

Islam untuk kebajikan dan keamanan ra'ayat selurohi-nya di-dalam negeri ini dan juga sa-barang perkara yang berkekalan di-akhir-terak.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Penghulu Kampong Batu Marang, Pengiran Kahar dan Setia Usaha Pembe-naan Masjid Baru Batu Marang, Pengiran Idris.

Ustaz Abdul Kadir bin Awang, Guru Koran di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Melayu Lela Menchanai dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah membacakan al-koran dan majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Inche Ismail Ariff.

DOKTOR MASATO MIYAIRI

BERAKAS. — Pakar Malaria dari Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia, Doktor Masato Miyairi dan keluarga-nya telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada 28 May yang lalu. Tujuan kedatangan-nya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk menasihatkan Kerajaan negeri ini bagi menghapuskan demam malaria dari negeri ini.

Di-antara-nya yang menyambut ketibaan Dr. Miyairi di-lapangan terbang Berakas ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor I.G. Singh dan Pemangku Pesuruhjaya Perkembangan, Negara, Brunei, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Doktor Miyairi ada-lah di-jangka tinggal di-negeri ini selama kira2 tiga bulan.

PILEHAN RAYA:

Pegawai2 Kerajaan Brunei Melawat Malaya

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan sa-ramai 18 orang yang terdiri dari pegawai2 Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Persatuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 29 May yang lalu kerana memperhatikan perjalanan Pilehan Raya Kecil dan Empatan di-Kelantan dan Perak.

Rombongan itu di-ketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pengerusi Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei. Beliau di-sertai oleh dua orang Ahli2 Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei ia-itu Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Inche' Kong En Choi.

Inche' Mat Nor McAfee, Setia Usaha Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei juga turut bersama dalam rombongan itu.

Lain2 pegawai2 Kerajaan dalam rombongan itu ia-lah:

Inche' Mohamed Nor Aston, Inche' Ibrahim Abd. Latif, Pengiran Ahmad bin Pengiran Md. Yusuf, Inche' Md. Yusuf bin Abd. Hamid, Inche' Md. Yassin bin Md. Yusuf, Haji Abd. Hamid bin Abd. Wahid, Awang Ahmad bin Haji Ismail.

Pengiran Othman bin Pengiran Md. Saleh, Inche' Teo Kim Yau, Pengiran Besar bin Pengiran Kula, Inche' Abd. Ghani bin Abdullah, Puan Na'emah Yusof, Puan Juliana Yapp dan Inche' Chua Kong Leng.

Inche' Mat Nor menyatakan bahawa rombongan itu akan memperhatikan chara2 perjalanan Pilehan Raya di-Kelantan dan chara2 menerima chalun yang di-jalankandi-Ipoh, Perak.

"Rombongan ini ia-lah yang

akan bertugas mengandalkan Pilehan Raya yang akan berlangsung di-Brunei dalam bulan October tahun ini", kata Inche' Mat Nor.

Mereka di-jadualkan akan balik ka-Brunei pada 10 June hadapan.

PERADUAN BAHATH

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bahath peringkat akhir di-bawah anjoran Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, akan di-adakan di-dewan Maktab S.O.A.S. pada 30 June. Ini-lah kali pertama persatuan tersebut mengadakan peraduan bahath itu.

Sa-banyak 16 buah persatuan2 dalam negeri ini telah mendaftarkan nama untuk memasoki peraduan itu.

Maktab Perguruan Melayu Berakas dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan juga mengambil bahagian dalam peraduan bahath itu.

Pada malam hari tersebut pula

akan di-adakan Malam Anika Warna di-dewan Maktab S.O.A.S.

Di-antara achara2 yang akan di-langsungkan di-temasha itu ia-lah peraduan sharahan antara sekolah2 di-Bandar Brunei, serta persembahan sa-buah derama sa-babak bertajok, "Sa-lingar kesah di-Tasek Kaseh," gubahan Inche Muhammad Haji Saruddin.

SIARAN RADIO BRUNEI

Ranchangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 6 hingga 18 June, adalah seperti di-bawah ini:

RABU — 6 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (S.U.)
12.15 Rakaman BBC London
12.30 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilihan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran-nya — dan Di-siarkan Oleh: Pg. Mohd.
5.00 Lagu2 Irama Joget
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 7 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Effendy
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Tuan Haji Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
7.45 Madah Pujangga (S.U.)
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Ustaz Salleh Hj. Abd. Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Hiboran
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran.
6.00 Siaran Melayu Tammat
JUMA'AT — 8 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI
Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan

9.30 Pelajaran Agama Di-Udara— Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid

9.45 Sharahan Agama
10.10 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Lagu2 Irama Pelahan
2.00 Siaran Melayu Tammat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Sandiwara Radio
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (S.U.)
12.00 Ranchangan Agama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu — (Lagu Tanpa Nyanyian)
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 9 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penya'er dan Hasil Karya — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Selingan
1.30 Lidah Pengarang — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Pilihan Juru Hebah
7.15 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London
7.30 Kamusilan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
7.45 Persembahan Orkest Irama Quartet
8.00 Kronchong M. Sagi
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rengan dan Gembira
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
12.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra
4.45 Tetamu Kita — Para Pengerang Di-Jemput ka-Studio untuk Memilih lagu2 Kegemaran-nya Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin
5.15 Simposium Di-Udara — Rakaman BBC London
5.30 Hidang Aneka Senandong

6.00 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 10 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandong Pagi
9.15 Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan
10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntingan Ranchangan Mingguan Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Bahasa dan Kesuastera'an — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Asohan Wanita — Di-terbitkan Oleh: Dk. Mariam
1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan) Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
7.45 Hiboran Tanpa Nyanyian
8.00 Duga'an Akal — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran (Lagu2 Melayu Asli)
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai
12.15 Halaman Sokan Sa-minggu
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Studio
5.00 Halaman Sokan Mingguan — Di-terbitkan Oleh: Pengiran Mohammad
5.15 Mengelilingi Dunia di-alam Ria
5.30 Ruangan Cherita Pendek
5.45 Hiboran Akhir
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 11 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Subardini
12.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cherita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilihan Juru Hebah
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hamzah Doimat
7.15 Penya'er dan Hasil Keria — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Dayangku Mariam
8.15 Majallah Sain dan Perusahaan Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Hiboran Irama Instrumental
12.00 Bunga Rampai Malaya
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran

4.45 Halaman Perbincangan —

Rakaman BBC London

5.00 Permainan Hiboran

Tempatan

5.30 Irama Lautan Tedoh

5.45 Hiboran Rampaian

6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 12 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Nyanyian Kamariah

12.45 Laporan Pandangan Mata — (V.O.A.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Latin Amerika

1.30 Asohan Wanita — (S.U.)

1.45 Hiboran Penutup

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.0 Ruangan Pemuda Pemuda — Di-terbitkan Bersama Oleh: Adnan Haji Hassan dan Dk. Mariam

7.45 Pilehan Sendiri

8.15 Ilmu Pengetahuan — Rakaman V.O.A.

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cherita Seram — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera

11.32 Hiboran Rampaian

11.45 Seni Irama Melayu

12.00 Lagu2 Hiboran

12.15 Seruan Terumpit

12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera

4.32 Lagu2 Hiboran

4.45 Laporan Pandangan Mata — Rakaman V.O.A.

5.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai

5.45 Irama Permainan Piano

6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 13 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Hiboran

12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBC London (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.02 Lagu2 Hiboran

7.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London

7.30 Pancharagam Tentera/Police

7.45 Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Mariam

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera

11.32 Lagu2 Bunga Rampai Indonesia

12.00 Studio Orkest

12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera

4.32 Lagu2 Hiboran

4.45 Latar Belakang — Rakaman BBC London

5.00 Lagu2 Irama Joget

5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian

6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 14 JUNE, 1962

BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Nyanyian Nor'ain

12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta

BAHAGIAN MELAYU

Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sam-
paikan Oleh: Tuan Haji
Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Tafsir Al-Koran
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka-Ra-
mai — Di-sampaikan
Oleh: Zainab Zainal Abid-
din.
12.00 Perkembangan Ilmu Pengeta-
huan Rakaman V.O.A.
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
Rakaman BBC London
5.00 Permainan Hiboran Tempatan
5.30 Bacha'an Ayat Suchi Al-
Koran — Di-terbitkan Oleh:
Pengiran Mohammad
6.00 Siaran Melayu Tammat
JUMA'AT, — 15 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI
Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara
9.45 Sharahan Ugama
10.00 Hiboran
10.15 Rengkesan Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang
Juma'at Di-Masjid Omar Ali
Saifuddin, Selepas itu di-ikuti
dengan lagu2 Masir.
1.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran Pembuka'an
Sandiwaru Radio — Di-ter-
bitkan Oleh: Abd. Wahab
Mohd.
8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ra-
mai — Di-sampaikan Oleh:
Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain
— Rakaman BBC London
12.00 Rancangan Ugama — Di-
terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.
12.32 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.30 Majallah Sain Dan Perusa-
ha'an Rakaman BBC London
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu
Instrumental
5.45 Lagu2 Masir
6.00 Siaran Melayu Tammat
SABTU — 16 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Peny'aer dan Hasil Karya —
Di-terbitkan Oleh: Abd.
Wahab Mohd. (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta
Berita
1.15 Lagu2 Perminta'an Kaum
Wanita — Di-sampaikan
Oleh: Othman Kamaruddin
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.01 Pilehan Juru Hebah
7.15 Bahasa dan Kesusastera'an
(S.U.)
7.30 So'al-an Di-Udara — Di-terbit-
kan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
7.45 Hiboran
8.00 Madah Pujangga — Di-ter-
bitkan Oleh: Abu Bakar
8.15 Selingan
8.30 Tanda Waktu dan Warta
Berita
8.45 Cherita Seram — (S.U.)
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.50 Majallah Sain dan Perusa-
ha'an Rakaman BBC London
12.00 Hiboran Irama Ranchak
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hidangan Aneka Seni Irama
4.45 Majallah Melalui Udara
Rakaman V.O.A.
5.00 Studio Hiboran
5.30 Hidangan Lagu2 Permin-
ta'an Suka Ramai
6.00 Siaran Melayu Tammat
AHAD — 17 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI
Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi
9.15 Ruangan Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar —
Di-terbitkan Oleh: Adnan
Haji Hassan
10.15 Rengkesan Berita
10.20 Suntingan Rancangan
Mingguan Di-terbitkan
Oleh: Othman Kamaruddin
10.30 Rehat
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Bahasa dan Kesusastera'an —
(S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan
Warta Berita
1.30 Hiboran Dari Studio —
(Pancharagam Tempatan)
2.00 Rehat.
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Aneka Lagu2 Irama Lautan
Tedoh — Di-terbitkan Oleh:
Pengiran Mohammad
11.45 Simposium Di-Udara
12.00 Lagu2 Perminta'an Suka
Ramai — Di-sampaikan
Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Film
5.00 Halaman Perbincangan —
Rakaman BBC London
5.15 Irama Amerika Selatan
5.30 Senandung Lagu-ku — Di-
terbitkan Oleh: Zainab
Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat
ITHNIN — 18 JUNE, 1962
BANDAR BRUNEI
Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Laila Sani
12.45 Latar Belakang — Rakaman
BBC London
1.00 Tanda Waktu dan
Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cherita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilehan Juru Hebah
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Peny'aer dan Hasil Karya-nya
Di-terbitkan Oleh: Abd.

Wahab Mohd.
7.15 Lagu2 Hamzah Dolmat
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka
Ramai — Di-sampaikan Oleh:
Dk. Mariam
8.15 Majallah Sain dan Perusa-
ha'an Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan
Warta Berita
8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat
KUALA BELAIT
Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Melayu
12.00 Laporan Suara Amerika

Rakaman V.O.A.
12.15 Hiboran Accordion
(KURDIAN)
12.30 Rehat
Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Irama Langgam —
Hidangan Juru Hebah
4.45 Lagu2 Rampaian
5.15 Tablo Di-Udara — (Dua Kali
Sa-minggu) Di-terbitkan
Oleh: Pengiran Mohd.
5.30 Irama Instrumental Lautan
Tedoh
5.45 Hiboran Akhir
6.00 Siaran Melayu Tammat

UCHAPAN TERIMA KASEH

(Dari Muka 1).

lah di-berikan oleh Seri Paduka
Kekanda, orang besar2 dan Kera-
jaan Seri Paduka Kekanda ka-
pada Paduka Adinda. Maka se-
gala kebaikan dan ingatan ikhlas
itu akan sentiasa tersimpan di-
dalam ingatan sanubari Paduka
Adinda dan Paduka Adinda ber-
do'a kepada Allah Subhanahu
Wata'ala moga2 di-lanjutkan
umur usia Seri Paduka Kekanda
di-dalam sehat walafiat dengan
bertambah2 jua taufik bagi Seri
Paduka Kekanda memelihara ta-
nah suchi yang mulia dan memen-
tentah Kerajaan Seri Paduka Ke-
kanda dan berkekalan-lah Seri
Paduka Kekanda menjadi hara-
pan ugama dan umat Islam dan
moga2 ra'ayat Seri Paduka Ke-
kanda sentiasa di-dalam kema-

amoran dan kesentosaan.
"Bahawasa-nya ada-lah menjadi
ingatan Paduka Adinda jika di-
izinkan Allah akan menziarahi
beberapa kali lagi ka-negeri Seri
Paduka Kekanda bagi menguat-
kan tali muhibbah dan perhubo-
ngan baik yang ada sekarang di-
antara kedua2 buah negeri kita
yang bersaudara dan walau pun
Brunei penduduk-nya sedikit te-
tapi bilangan orang2 Islam ada-
lah terbanyak dari yang lain2.

"Sa-kian sahaja di-ma'alumkan
akhir-nya sukachita Paduka Adin-
da mengulangi sa-kali lagi uchapan
terima kasih yang ikhlas dari
Paduka Adinda dan pengiring2
Paduka Adinda di-atas layanan
dan sambutan meriah yang di-
berikan itu serta di-sudahi dengan
salam ta'azim jua ada-nya."



INCHE SPEY

Melawat Brunei

BERAKAS. — Ketua Baha-
gian kesusasteraan di-Pejabat
Pusat Penerangan, London
Inche J.M. Spey telah melawat
ka-Brunei pada 29 May yang
lalu dalam bidang lawatan-nya
ka-negara2 di-Tenggara Asia
dan ka-benua Australia, sa-lama
enam minggu.

Tujuan lawatan beliau itu ia-
lah untuk mempelajari perkara2
yang bersangkutan paut dengan
kesusasteraan yang di-kirinkan
daripada pejabat-nya ka-negara2
yang di-lawati-nya itu.

Wayang Gambar Kerajaan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Per-
tunjukan wayang gambar Kera-
jaan Brunei dalam bulan ini ada-
lah seperti di-bawah ini:

6 June: Kampong Burong
Pingai, Berakas, Brunei dan Kampong
Danau, Tutong.
7 June: Kampong Tanjong Nang-
ka, Brunei dan di-Rumah Orang2
Tua, Seria.
9 June: Kampong Luagan Du-
dok, Tutong dan di-Kawasan Ibu Pe-
jabat Polis Penchegah Rusohan, Batu
4, Kuala Belait.
11 June: Sekolah Melayu Tan-
jong Maya, Tutong dan Kampong
Sungai Lumut, Daerah Belait.
12 June: Sekolah Melayu Layong,
Tutong dan di-kawasan Ibu Pejabat
Polis, Lorong 14 Seria.
13 June: Sekolah Melayu Ukong,
Tutong dan Klab Melayu Shell, Seria.
14 June: Sekolah Melayu Ram-
bai, Tutong.
16 June: Sekolah Melayu Birau,
Tutong, dan Kampong Tumpuan
Telisai, Daerah Brunei.

18 June: Sekolah Melayu Piasan2,
Temburong dan di-padang Maktab
Anthony Abell, Seria.
19 June: Sekolah Melayu Labu
Estate, Temburong.
20 June: Sekolah Melayu Bokok,
Temburong dan Kampong Sungai
Liang, Daerah Belait.
21 June: Sekolah Melayu Kenoa,
Temburong.
23 June: Kampong Saba Darat,
Kampong Ayer, Brunei dan padang
kecil, Kuala Belait.
25 June: Sekolah Melayu Sungai
Besar, Brunei dan Sekolah Melayu
Kuala Balai, Ulu Belait.
26 June: Sekolah Melayu Batu Ma-
rang, Brunei dan di-kawasan Jabatan
Kerja Raya Bukit Puan, Ulu Belait.
27 June: Sekolah Melayu Baru-
Baru, Daerah Temburong dan Sekolah
Melayu Simpang Labi, Ulu Belait.
28 June: Sekolah Melayu Berbu-
nut.
30 June: Di-kawasan Penjara
Jerudong, Brunei.

HALAMAN PARAJURIT

Sambutan Selamat Datang Dan Selamat Belayar di-Kuala Belait

Sadikit sahaja saya nasihatkan,

Supaya lagi2 bergiat di-dalam latehan.

Tuan2-lah bakal menjaga keamanan —

Di-TANAH AYER akan jadi harapan !!!

KUALA BELAIT. — Rangkaian pantun tersebut telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-majlis jamuan yang telah di-adakan oleh penduduk2 di-Daerah Belait di-dewan Kuala Belait Recreation Club, Kuala Belait pada malam Ithnin yang lalu untuk meraikan Askar2 Melayu Brunei dari pasukan2 yang ke-dua dan ke-tiga yang telah balek ka-Brunei untuk berchuti.

Majlis itu juga telah di-adakan untuk memberi ucapan "selamat kembali ka-Persekutuan Tanah Melayu bagi meneruskan latehan" kepada perajurit2 tersebut.

Kawasan padang Kuala Belait dan jalan2 raya dari hadapan rumah Pegawai Daerah Belait kapenjuru Jalan Dato Shalhbandar telah di-hiasi dengan bendera2 Brunei dan di-samping itu sebuah pintu gerbang khas telah di-bangunkan di-padang K.B.R.C. berhampiran rumah persekutuan itu dengan perkataan "Selamat Datang — Selamat Belayar" sebagai tanda meraikan perajurit2 itu.

Pada sabelah malam hari tersebut pula kawasan padang besar Kuala Belait telah bersinar dengan pancharan lampu2 elektrik yang berwarna warni.

Upacara sambutan itu telah di-mulai pada pukul 5 petang 3 June dengan di-adakan satu pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-antara pasukan Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemuda Kuala Belait dengan pasukan Klab Belia Seria, di-padang besar Kuala Belait.

Pasukan Persatuan Gerakan Masyarakat Kuala Belait telah mengalahkan pasukan Klab Belia Seria dengan 7 gol berbalas satu dalam pertandingan tersebut.

Inche Hashim Suhaimi telah mengadakan pertandingan itu.

Mulai dari pukul 7 hingga 8 malam di-adakan jamuan satay

Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang

KAMPONG SULTAN LAMA.

— Pemuda2 Kampung Sultan Lama yang menjadi rikerut dalam Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Brunei untuk berchuti baharu2 ini telah di-ra'ikan di-satu majlis jamuan satay oleh Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda Kampung Sultan Lama di-dewan Partai Ra'ayat, Chahang Pekan Brunei petang 18 May yang lalu.

Pada malam 18 May pula, persatuan tersebut telah mempersembahkan temasha Malam Anika Warna mengandungi derama "Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang" dan lain2-nya untuk meraikan parajurit2 dari kampung ini, dengan mendapat sambutan yang baik daripada para penonton.

di-dewan K.B.R.C.

Dalam majlis jamuan tersebut ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pengurus sambutan itu, Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin dan Sarjan Ariffin sa-laku wakil parajurit2 yang di-raikan itu, serta oleh Setia Usaha sambutan itu, Inche Ahmad Shah.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat dalam bahasa Melayu oleh Pemangku Kadhi Daerah Belait, Yang Dimuliakan Begawan Mudim Haji Adnan.

Kemudian di-adakan persembahan Malam Anika Gembira sumbangan dari murid2 Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China di-Daerah Belait, serta lawak jenaka oleh Awang Lipong dan rakan2-nya.

Pancharagam Rangkaian Melati Orkest di-bawah pimpinan Biduan Harith Bongsu telah bermain di-temasha itu.

Boleh-lah di-katakan bahawa tidak kurang dari 5,000 orang termasuk keluarga2 parajurit2 tersebut telah menyaksikan persembahan Malam Anika Gembira itu.

Di-antara para hadirin di-temasha itu ia-lah Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin; Yang Ber-

hormat Pengiran Besar bin Pengiran Sabtu; Yang Berhormat Inche Taha bin Abdul Rahman; Chief Inspektor Pengiran Abbas dan lain2-nya.

Pada malam itu juga di-adakan tayangan wayang gambar oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Sa-sungguh-nya sambutan itu telah memberi perangsang kepada pemuda2 untuk berkhidmat sebagai parajurit2 dalam Askar Melayu Brunei yang di-bangga2kan oleh Negara Brunei Darus Salam.

PARAJURIT -TULANG BELAKANG NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Inche' Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar, Yang Dipertua Persatuan Seni Budaya Melayu, Brunei telah menegaskan tentang kecekapan Bakal Askar2 Melayu Brunei yang sedang berchuti di-tanah ayer sa-lah menjalani latehan sa-lama 6 bulan di-Pusat Latehan Tentera di-Port Dickson Negeri Sembilan, Persekutuan Tanah Melayu.

Beruchap di-majlis pembukaan Malam Anika Warna khas untuk meraikan parajurit itu, di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 19 May yang lalu, Inche' Kamaluddin berkata bahawa menjadi parajurit ada-lah rumit dan sukar; tetapi sa-sabua negara yang tidak mempunyai askar ada-lah lebeh sukar dan sentiasa dalam anchaman bahaya.

"Kejayaan mereka itu ada-lah dari hasil ta'at setia, tekun dan hati2 dalam menjalani dan mengatasi segala ujian yang di-berikan kepada mereka. Mereka tentu-lah

ma'alum bahawa kewajipan mereka ada-lah demi keselamatan negara untuk mempertahankan kedaulatan dan kebhag-bangsa, ugama dan tanah ayer.

"Maka dengan kepercayaan dan tekad ini-lah pemuda2 kita sanggup melangkahkan kaki untuk memasuki perkhidmatan Askar Melayu Brunei," kata-nya.

Beliau juga telah mengulangi kata dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un ketika mengucapkan selamat belayar kepada parajurit2 itu pada beberapa bulan yang lalu bahawa "parajurit ada-lah tulang belakang kepada sa-sabua negara; maka dari itu akan terkulai-lah negeri kita ini dengan ketiadaan parajurit-nya sendiri."

Dalam ucapan-nya itu juga, Yang Dipertua Persatuan Seni Budaya Melayu itu telah menyatakan betapa besar hati-nya atas penghargaan dan kepercayaan pihak Kerajaan yang telah menyerahkan kepada Persatuan Seni Budaya Melayu untuk mengandalkan Malam Anika Warna itu.

Beliau berharap pada masa akan datang supaya usaha2 seperti itu akan mendapat sokongan dan kerjasama dengan sukarela yang berlebehan2 dari seluruh lapisan masyarakat.



Sa-bilangan rikerut2 dari pasukan2 yang ke-dua dan ke-tiga Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Brunei untuk berchuti kelihatan di-Tambatan Kastam Di-raja, Bandar Brunei sa-waktu mereka tiba dari Malaya melalui Singapura dan Labuan pada pertengahan bulan yang lalu.

ASKAR MELAYU BRUNEI:

61 Orang Pemuda Di-Pilih Untuk Berlatih Di-Port Dickson

BANDAR BRUNEI. — Saramai 61 orang pemuda telah di-pilih untuk berkhidmat dengan pasokan yang kelima Askar Melayu Brunei. Pegawai2 Pemilih Bakal Askar2 itu, dengan di-ketuai oleh Kaptan Syed Alwee, telah menamatkan pemilihan-nya pada 28 May, 1962.

Pemilihan2 tersebut telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei; di-Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Tutong dan di-Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait.

Rikerut2 itu akan belayar ka-Labuan dengan manaiki kapal Kerajaan Brunei pada 18 June, 1962 dan dari sana mereka akan belayar ka-Singapura dengan sebuah kapal yang lain.

Mereka di-jangka sampai di-Singapura pada 22 June dalam perjalanan ka-Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut keterangan Kaptan Syed Alwee, tiap2 rikerut itu akan mempunyai surat2 akuan seperti di-bawah ini:

(a) Paspot (b) Akuan Kesihatan (Chachar dan ta'un) (c) Surat Akuan beranak atau surat sumpah beranak (d) Surat kelulusan sekolah dan (e) Surat kera'ayatan sa-kira-nya rikerut itu bukan anak Brunei jati.

Tempat kediaman rikerut2 itu akan di-tentukan pada masa mereka tiba di-Pusat Latihan Tentera di-Port Dickson.

Mereka akan di-beri dan di-siapkan dengan pakaian tentera serta-di-adakan pemeriksaan kesihatan yang akhir mulai dari 25 June hingga 1 July.

Brunei Sports Club

Menang

BANDAR BRUNEI. — Brunei Sports Club telah mengalahkan Angkatan Laut Diraja Persekutuan Tanah Melayu dengan 4 gol tidak berbalas dalam pertandingan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang besar di-sini pada petang 31 May yang lalu.

Johnny Marcus telah menjaringkan 2 gol, manakala Zainal Abidin dan Awangku Mahari menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pasukan Brunei Sports Club.

Satu pertandingan hockey sa-chara persahabatan telah di-adakan di-padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada petang 1 June di-antara, Brunei Sports Club dan pasukan Angkatan Laut Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam pertandingan itu, Brunei Sports Club telah mengalahkan pasukan Angkatan Laut Diraja tersebut dengan 7 gol tidak berbalas.

Pemain2 yang manjaringkan gol bagi pasukan Brunei Sports Club ia-lah: Awangku Radin — 2 gol, Nathan — 2 gol, Thani, Hussain dan Idris — 1 gol sa-saorang.

Latihan rikerut2 tersebut akan di-mulai pada 2 July sa-lama lebe kurang enam bulan.

Untuk pengetahuan ibu bapa rikerut2 itu dan lain2-nya alamat mereka sa-masa berlatih di-Malaya ada-lah seperti di-bawah ini:

(Nama rikerut), Askar Melayu Brunei, d/a Depot Royal Malay Regiment, Port Dickson Garrison, Negeri Sembilan, Malaya.

Tiap2 rikerut itu mesti-lah membawa sa-kurang2-nya 2 helai kemeja lengan panjang, 2 helai seluar panjang, 2 tali leher, sa-pasang baju Melayu dengan kain samping-nya, sa-pasang sepatu, 2 helai sarong, 1 songkok hitam, 2 pasang sarong kaki serta seluar dan baju dalam.

Kaptan Syed Alwee memerentahkan kapada rikerut2 itu bahawa sa-belum mereka berlepas ka-Port Dickson untuk berlatih rambut mereka yang panjang mesti-lah di-gunting pendek.

Pemuda2 yang telah di-pilih untuk berkhidmat dengan pasukan yang ke-lima Askar Melayu Brunei serta alamat mereka adalah seperti di-bawah ini:

Udin bin Haji Hassan, Kampong Mangis, Brunei. Ismail bin Metersad, Kampong Saba Laut, Brunei. Burut bin Haji Ismail, Kampong Sengkurong, Brunei. Harun bin Abdul Aziz, Kampong Bokok, Temburong. Ak. Ismail bin Pg. Jamuddin, Kampong Bakut Siraja Muda, Brunei. Ak. Marali bin Pg. Tengah, Kampong Peminyak, Brunei. Yahya bin Abu Bakar, Kampong Lurong Dalam, Brunei. Abdullah bin Salim, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Brunei. Othman bin Saman, Kampong Pulau Baru2, Temburong. Masri bin Abdul Kadir, Kampong Pirangsang, Brunei. Pasang bin Mohd.

Yassin, Kampong Batu 22, Jalan Tutong, Brunei. Zaini bin Haji Omar, Kampong Jurong Pingai, Brunei.

Tengah bin Abdullah, Kampong Tengku Gadong, Brunei. Ibrahim bin Ahmad, Kampong Sungai Pandan, Brunei. Md. Salleh bin Zainal, Kampong Sumbiling, Brunei. Untong bin Muhammad, Kampong Lumapas, Brunei. Abdul Hamid bin Tengah, Kampong Sungai Kebun, Brunei. Zakaria bin Awang Metali, Kampong Saba Laut, Brunei.

Md. Raub bin Haji Serudin, Kampong Setia Pahlawan, Brunei. Hidup bin Abdul Ghani, Kampong Batu Marang, Brunei. Ak. Salleh bin Pg. Jamudin, Kampong Bakut Siraja Muda, Brunei. Ibrahim bin Kassim, Kampong Sumbiling, Brunei. Judin bin Apong, Kampong Bokok, Temburong. Ak. Sulaiman bin Pg. Ahmad, Kampong Sungai Kebun, Brunei.

Bidin bin Abdul Wahab, Kampong Sengkurong, Brunei. Lagar bin Ahim, Kampong Kasat, Brunei. Ak. Hidup bin Pg. Hj. Ahmad, Kampong Sungai Kianggeh, Brunei. Hussein bin Serudin, Kampong Saba Laut, Brunei. Julai bin Jaya, Kampong Puni, Temburong. Bungsu bin Wahab, Kampong Terunjing Berakas, Brunei.

Moksin bin Limbang, Kampong Pandai Besi (A), Brunei. Ak. Razali bin Pg. Hj. Md. Said, Kampong Telanai, Brunei. Salleh bin Ja'afar, Kampong Bukit Salat, Brunei. Abu Bakar bin Abdul Kadir, Kampong Tanjong Maya, Tutong. Aliuddin bin Noordin, Kampong Sumbiling, Brunei. Abdul Latif bin Md. Taib, Kampong Layong, Tutong.

Litoh bin Owing, Kampong Batang Mitus, Brunei. Sabtu bin Kota, Kampong Bukit Udal, Tutong. So'ud bin Ahmad, Kampong Sinaut, Tutong. Adnan bin Taha, Kampong Lubok Pulau, Tutong. Murneh bin Hussein, Kampong Tanah Burok, Tutong. Morni bin Sidek, Kampong Tanjong Maya, Tutong.

Abu Bakar bin Kamir, Kampong Kalamahu, Tutong. Md. Zain bin Ahmad, Kampong Kiudang, Tutong.

Sawal bin Haji Simpol, Kampong Sinaut, Tutong. Juin bin Autin, Kampong Ukong, Tutong. Murah bin Awang Damit, Kampong Danau, Tutong. Md. Salleh bin Umar, Kampong Kiudang, Tutong.

Bajau bin Bundan, Kampong Ukong, Tutong. Kalong bin Selamat, Kampong Kulipis, Brunei. Ak. Suhaimi bin Pg. Ma'un, Kampong Kebun, Brunei. Abdul Manaf bin Maidin, Kampong Kasat, Brunei. Abdul Ghani bin Naim, Kampong Buring Pingai, Brunei. Salleh bin Ali, Kampong Ujong Bukit, Brunei.

Md. Jawi bin Ibrahim, Kampong Penanjong, Tutong. Hidup bin Md. Said, Kampong Kilanas, Brunei. Md. Untong bin Layar, Kampong Lurong Sikuna, Brunei. Dodie bin Ahmad, Kampong Seberang, Kuala Belait. Ak. Yunus bin Pg. Abas, Kampong Sungai Hanching, Brunei. Mas Farhan bin Mas Embran, Kampong Padang Lama, Brunei dan Ak. Hamdan bin Pg. Ismail, Kampong Setia.

KA-BAGDAD

BERAKAS. — Multi Negeri Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Kadhi Daerah Tutong, Inche Ishak bin Adam telah berangkat ka-Bagdad dengan kapal terbang pada 22 May yang lalu untuk menghadiri Mukhtar Islam Sa-Dunia.

Mukhtar itu telah di-adakan di-Bagdad mulai dari 29 May hingga 3 June.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei (ia-itu pada masa Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Hj. Ali, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei berangkat ka-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu Haji) telah mengucapkan selamat berangkat ka-Bagdad kapada Tuan Haji Ismail dan Inche Ishak.

KAPAL2 PERANG MALAYA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Empat buah kapal2 perang Angkatan Laut Diraja Persekutuan Tanah Melayu, ia-itu Kapal Diraja Mahamiru serta kapal2 penyapu periok api Langkasuka, Temasek dan Sri Perlis telah tiba di-Brunei pada hari Khamis 31 May dalam bidang lawatan muhibbah


ka-Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah. Kapal2 perang itu ada-lah di-bawah kelolaan Lieutenant Commander Lancaster R.A.N. dan mengandungi semua-nya 93 orang Pegawai2 serta anak2 buah.

Inche Sunny bin Ahmad dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei, sa-laku wakil Kerajaan, dan Kaptan Awang bin Dollah telah menaiki kapal Mahamiru sa-baik sahaja kapal2 perang tersebut tiba di-Ujong Sapoh pada pagi hari Khamis yang lalu.

Kapal2 perang itu telah balayar ka-Jesseltown pada pagi hari Sabtu.

Sa-masa berada di-Brunei pegawai2 dan anak2 buah kapal2 perang itu telah melawat ka-beberapa tempat yang mustahak serta melawat ka-padang minyak di-Seria.

Mereka juga telah mengadakan perlawanan2 bola sepak dan hockey sa-chara persahabatan dengan pasukan tempatan dan keputusan-nya ada-lah di-siarkan di-lain ruangan.



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada masa ketibaan kapal2 perang Malaysia pada penghujung bulan yang lalu.



INCHE FORRER

KURNIAAN BAGINDA QUEEN

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth Yang Ke-dua telah mengurniakan Pingat2 Pulis dan Sijil Kepujian kepada tiga orang pegawai2 Inggeris yang berkhidmat di-Negeri Brunei pada Hari Keputeraan Baginda, ia-itu seperti di-bawah ini :

Inche Alan Neil Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei yang pada masa ini sedang berchuti di-luar negeri — Pingat Pulis Baginda Queen.

Inche David St. John Forrer, Pemangku Pesuruh Jaya Pulis, Negeri Brunei — Pingat Pulis Kolonial.

Kapitan Walter James Davis, D.F.C., Ketua Jabatan Penerbangan, Sharikat Minyak Shell, Brunei — Sijil Kepujian Baginda Queen.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN TRENKAS

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai lima orang telah lulus peringkat menengah dan sa-orang telah lulus peringkat permulaan Trengkas Melayu dalam satu peperiksaan yang di-adakan pada 1 dan 2 May yang lalu.

Peringkat Menengah ia-lah Inche' Ahmad Jantan, Inche' Ibrahim bin A. Ghani, Inche' Md. Tahir bin Metassan, Inche' Basir bin Md. Salleh dan Inche' Abu Naim bin Md. Said. Peringkat Permulaan ia-lah Inche' Abdullah bin M. Tahir.

SAMBUTAN2 HARI JADI BAGINDA QUEEN DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Upacara berbaris kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-adakan di-sini pada pagi hari Sabtu yang lalu.

D. Y. M. M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Sir Dennis White; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan ramai pembesar2 negara serta lain2nya telah hadir di-upacara tersebut.

Dalam upacara itu Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah memeriksa perbarisan yang terdiri dari Pasokan2 Pulis Brunei, Pengakap2 Laut dan Darat; Pandu Puteri; Palang Merah; Jabatan Laut dan Jabatan Kastam Di-Raja.

Sa-jam sa-lepas di-adakan upacara tersebut satu majlis untuk minum bagi keselamatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-adakan di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha serta beratus2 orang telah mengunjongi ka-majlis itu.

Pada sabelah malam pula satu temasha "Malam Komonwealth" telah di-adakan di-Panaga Club, Seria untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Satu majlis minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, dengan di-dahului oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, telah di-adakan di-majlis itu.

Kemudian Sir Dennis White telah minta semua para hadirin minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Brunei.

Pancharagam Pulis Brunei, di-bawah pimpinan Inche R.E. House telah bermain di-majlis tersebut.

Satu lagi majlis untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-adakan di-Royal Brunei Yacht Club pada malam tersebut juga.

PENGIRAN HAJI PUTEH

BERAKAS. — Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pegawai Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Brunei telah balek ka-Brunei dari Jeddah dengan kapal terbang baharu2 ini setelah menunaikan fardhu haji.

Pengiran Haji Puteh telah berlepas ka-Amerika Sharikat dalam bulan February tahun ini atas jemputan dari Kerajaan Amerika Sharikat untuk melawat negara itu sa-lama tiga bulan.

Dalam masa perjalanan balek ka-Tanah Ayer beliau telah berangkat ka-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu haji.

SIAPA-KAH YANG CHANTEK SA-KALI?



Dalam gambar ini kelihatan lima orang wanita yang mengambil bahagian dalam peraduan "RATU JELITA KUALA BELAIT" yang telah di-adakan di-dewan K.B.R.C. baharu2 ini di-bawah anjoran Persatuan Bumi Putera Belait. Dari kanan ke-kiri ia-lah Dayangku Zubaideh (Ratu Aidil Fitri 1962), Atmah Adam (Ratu Kebaya K. Belait 1961), Sainah Saud, Juliana Kelly dan Dayang binti Taha. Keputusan para hakim yang terdiri dari dua orang wanita dan sa-orang lelaki ia-lah: Pertama — Sainah Saud (di-tengah). Kedua — Armah Adam. Ketiga — Juliana Kelly. Dua pasokan pancheragam yang terkenal di-sini, ia-itu Rangkaian Melati Orkest di-bawah pimpinan Biduan Harith Bongsu dan Penche Kirana Orkest di-bawah pimpinan Biduan Bujang Johari telah bermain di-temasha tersebut. Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan Ratu Jelita tersebut telah di-sampaikan oleh Puan Dayang Aisah, ia-itu isteri Inche Yusof Omarali, sa-orang Pegawai, Persatuan Bumi Putera Belait.

KESATUAN PENUNTUT2 BORNEO

MELBOURNE. — Kesatuan Penuntut2 Borneo di-Melbourne, Australia mengumumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bersetuju atas permohonan kesatuan itu untuk menjadi penaong-nya.

Sa-lain daripada Duli Yang Maha Mulia, Gabnor Sarawak, Sir Alexander Waddell dan Gabnor Borneo Utara, Sir William Goode telah juga bersetuju menerima lantikan kesatuan tersebut sa-bagai penaong baharu kesatuan itu.



Dua puluh sembilan orang dari Negeri Brunei telah melawat ke-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama dua minggu atas jemputan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 28 May, 1962. Gambar ini di-ambil di-hadapan bangunan lapangan terbang Berakas sa-belum mereka berangkat ka-Singapura pada petang hari tersebut.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.